

137,225 pesalah dadah diberkas

1 Oktober 2019

JSJN Bukit Aman rampas 18 tan dadah pelbagai jenis bernilai RM2.69 bilion

137,225 pesalah dadah diberkas

Oleh ZULKIFLI MANZOR

SEREMBAN – Seramai 137,225 individu termasuk 9,512 warga asing di seluruh negara ditahan atas pelbagai kesalahan berkaitan dadah bagi tempoh 1 Januari hingga 26 September tahun ini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Mohd. Khalil Kader Mohd. berkata, daripada jumlah itu, seramai 20,613 individu yang ditahan merupakan pengedar dadah.

"Sebanyak 51,018 lagi individu ditahan atas kesalahan memiliki dadah dan 65,594 individu ditahan selepas positif penyalahgunaan dadah.

"Dalam tempoh tersebut, pihak JSJN turut merampas lebih 18 tan dadah pelbagai jenis yang dianggarkan bernilai RM2.69 bilion," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan di sini semalam.



MOHD KHALIL



SERAMAI 65,594 penagih dadah ditahan dalam pelbagai serbuan oleh polis di seluruh negara dalam tempoh Januari hingga September tahun ini. – Gambar hiasan

Menurut Mohd. Khalil, sepanjang operasi yang dijalankan, polis turut menyita harta iaitu milik pengedar dadah bernilai RM62.81 juta dengan RM2.16 juta telah dilucutkan hak.

Katanya, di Negeri Sembilan saja, seramai 6,367 individu telah ditahan dengan 88 daripadanya adalah bekas pesalah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Langkah-Langkah Pencegahan Khas (LLPK)).

"Sebanyak 30.6 kilogram jenis dadah bernilai kira-kira

RM611,404.45 dirampas daripada mereka, manakala sejumlah RM3.3 juta harta disita dengan RM731,362.70 dilucutkan hak," tambahnya.

Dalam pada itu, katanya, bagi tempoh sama, sebanyak 245 sarang penagih di seluruh negara telah digempur, namun polis mendapati 141 daripada sarang dadah terbabit menunjukkan tanda-tanda akan aktif semula.

Justeru, kata beliau, polis akan menggerakkan semula operasi Ice Breaker bagi me-

nanangi sarang penagihan dadah terbabit.

Terdahulu, katanya, seramai 107 individu ditahan dalam Op Damn Tokan oleh JSJN Bukit Aman dan JSJN Negeri Sembilan di sekitar negeri ini dalam tempoh tiga hari bermula Jumaat lalu.

Kata beliau, mereka yang berusia antara 20 tahun hingga 50 tahun itu ditahan atas pelbagai kesalahan berkaitan dadah termasuk memiliki dan menggunakan dadah.

Tambah beliau, polis merampas pelbagai jenis dadah seperti syabu, heroin, pil eramin 5 dan air ketum dengan berat 121.91 kilogram (kg) bernilai RM56,684 dalam operasi tersebut.

"Dalam usaha memastikan hasil perniagaan dadah dilumpuhkan sepenuhnya, polis telah menyita wang tunai, barang kemas dan kenderaan milik pengedar dadah bernilai RM162,949.

"Operasi ini dinamakan Damn Tokan kerana polis memberi tumpuan untuk menyekat permintaan dadah dengan memutuskan rangkaian bekalan di peringkat pengedar dadah runcit kecil-kecilan," katanya.

INFO

Statistik kes dadah
Januari-September

Jumlah individu ditahan : 137,225 orang
Pengedar dadah : 20,613 orang
Miliki dadah : 51,018
Positif dadah : 65,594
Jumlah rampasan dadah : 18,709 kilogram
Nilai rampasan dadah : RM2.69 bilion
Harta disita : RM62.82 juta



DADAH jenis heroin yang dirampas dalam operasi di Plaza Tol Alor Pongsu, Ipoh, Perak pada April tahun ini.